

Memacu Kecemerlangan Akademik : Halatuju & Peranan Pensyarah ACIS

*Rasid Muhammad
Muhammad Muzakkir bin Othman
Aiza Budin
Wan Azmi Wan Ahmad
Mohd Hafiz Abdul Wahab*

ABSTRAK

Dalam mendepani arus globalisasi serta langit yang terbuka luas ini, perkembangan dunia pendidikan pada hari ini memerlukan suatu lonjakan paradigma, perubahan mekanisme pengajaran bahkan juga melibatkan pensyarah. Hal ini juga turut dialami oleh pensyarah-pensyarah CITU (Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam) yang telah mengorak langkah serta menyusun strategi bagi menongkah arus perubahan serta kehendak pasaran yang amat memerlukan bukan hanya golongan pelajar yang berkelulusan agama tetapi juga mampu menterjemahkan setiap isi pelajaran ke dalam dunia kehidupan mereka apabila bergelar seorang graduan. Bertitik tolak dari situ, CITU Pusat Shah Alam telah merangka satu plan strategik bagi mengangkat serta memacu kecemerlangan akademik bukan hanya melibatkan pelajar bahkan juga kecemerlangan akademik pensyarah-pensyarah CITU. Ini kerana pelajar dan pensyarah merupakan dua komponen yang tidak dapat dipisahkan dalam arus dunia pengajaran dan pembelajaran di dalam alam kampus yang mana kedua-duanya perlu dibangunkan samada melibatkan komponen seperti silibus pengajaran, kaedah pengajaran, tahap kelayakan seperti diploma, ijazah mahupun ijazah tinggi (pasca siswazah) yang melibatkan peringkat Master dan juga PhD. Kertas kerja ini membincangkan sejarah penubuhan CITU, program serta kod-kod yang ditawarkan, bidang-bidang kepakaran pensyarah CITU, program-program baru yang diperkenalkan yang melibatkan diploma, ijazah pertama dan juga ijazah tinggi sehingga tertubuhnya ACIS (Academy of Contemporary Islamic Studies).

Kata Kunci: *ACIS, lonjakan paradigma, program baru, pasca siswazah.*

Pengenalan

Sejarah hari ini, merupakan kesan dan kesinambungan dari sejarah masa lalu. Oleh itu, dalam usaha untuk melakar startegi masa depan, sejarah masa lalu perlu dikaji dan diambil pengajaran darinya. Begitulah halnya dengan pendidikan Islam di UiTM, yang kehadirannya begitu lama dalam arus perdana pendidikan di UiTM, perlu dilihat secara objektif dan tepat. Dengan cara itu juga, kita dapat merangka kegiatan dan pengisian yang benar-benar tepat dan diperlukan, terutama dalam usaha untuk menghadapi masa depan yang mencabar. Penelitian yang sedemikian juga membolehkan kita melakar satu perancangan dan tindakan sesuatu lebih gemilang dan berkembang sesuai dengan pelbagai cabaran dan tuntutan zaman.

Objektif

Tinjauan ini bertujuan untuk:

- a) Menerangkan sejarah awal penubuhan CITU sehingga penstrukturan semula ACIS khususnya kepada warga akademik UiTM Pahang.
- b) Menerangkan peranan pensyarah ACIS terhadap pembangunan akademik, sahsiah pelajar mahupun staf UiTM.

Falsafah Pendidikan Islam

Sistem pendidikan yang utuh, tentunya ia bersandarkan kepada falsafah yang mantap. Begitulah juga dengan sistem pendidikan di Malaysia, yang digubal berdasarkan kepada hasrat dan matlamat yang murni untuk melahirkan manusia yang berkualiti. Dalam hal yang sedemikianlah, pendidikan Islam mendapat tempat dalam arus perdana pendidikan negara.

Pendidikan Islam, sebenarnya mempunyai peranan yang besar dalam pembinaan insan. Hal ini telah lama dinyatakan dan diperakui. Di antara pemikir awal yang menegaskannya termasuklah Za'ba (1989:32-33), yang antara lainnya menyatakan, *“pengajaran agama itu, sangat-sangatlah mustahak adanya bagi membimbing bangsa manusia menjalani kehidupan yang betul di dunia ini. Kerana agamalah panduan yang berasal dari pihak Tuhan sendiri bagi segala ehwal dan pekerjaan hidup yang bersangkutan dengan urusan baik dan jahat, betul dan tak betul, dan agamalah sebaik-baik suluhan untuk menerangi jalan kepada orang-orang yang di dalam gelap”*.

Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1992) menyatakan bahawa generasi-generasi awal Muslim telah membina peradaban serta kemajuan insani berdasarkan pendidikan keagamaan yang menjadi teras utama dalam kehidupan. Tambahnya lagi pendidikan keagamaan pada zaman tersebut telah diajar di rumah, sekolah, masjid serta di lorong dan disebarikan melalui media-media komunikasi. Pendidikan Islam menjadi relevan sepanjang masa kerana ianya memberikan gambaran yang jelas kepada setiap individu Muslim berkaitan kepercayaan, ibadah, hubungan sesama manusia, alam sekitar dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, UiTM juga pernah mengungkapkan falsafah pendidikannya yang tersendiri sejajar dengan FPN, yang mana antara lainnya berbunyi, *“Kepercayaan bahawa semua manusia mempunyai bakat, minat dan kecenderungan dan jika diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan dari mana-mana kebudayaan atau tamadun secara terbuka serta melalui pemindahan dan penerapan nilai-nilai Islam, boleh berperanan dalam membangunkan diri, masyarakat dan negara”*.

UiTM juga pernah mengungkapkan misinya yang jelas, yang meletakkan Islam sebagai sandaran utamanya. Antaranya menyatakan, *“Membangunkan generasi bumiputera supaya menjadi profesional yang berilmu, berinovasi, berdaya saing bertaqwa dan mampu menerajui pembangunan”*

Melalui perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa institusi pendidikan samada sekolah, maktab mahupun universiti merupakan satu institusi yang amat penting kerana ianya merupakan gedung ilmu yang menyebarkan ilmu pengetahuan warisan masyarakat khususnya di bidang-bidang profesion tertentu. (Robiah Sidin 1998).

Peranan Pendidikan Islam

Peranan pendidikan Islam semakin besar. Dan sehubungan dengan itu juga cabarannya juga adalah juga lebih besar. Di antara yang paling utama ialah, sejauh mana kita dapat mengemukakan kurikulum yang sesuai dan relevan bagi memenuhi tuntutan dan cabaran zaman. Inilah yang tersirat dari ungkapan Saydina Umar yang pernah menyatakan, *“Ajarilah anak kamu dengan betul (dan tepat), kerana mereka dilahirkan, bukan untuk zaman kamu”*.

Ada dua aspek yang perlu diperhatikan dari kenyataan Saydina Umar tersebut. Pertama ialah “isi” atau kandungan kurikulum yang diberikan kepada generasi sekarang ini apakah benar-benar sesuai dengan kehendak dan keperluan generasi kini?. Dan yang keduanya ialah “pendekatan” yang dilakukan, apakah ia juga benar-benar sesuai dengan cabaran, tuntutan dan perkembangan zaman?

Di samping persoalan kualiti dan kemampuan pensyarah, apakah mereka semuanya dapat menghadamkan kurikulum yang dibina, dan dilaksanakan dengan memenuhi falsafah dan hasrat yang tersirat dan tersurat yang terkandung di dalamnya?.

Selain itu seseorang pensyarah perlu menyedari tujuan dan matlamat di sebalik proses pengajaran dan pembelajaran bukan hanya untuk memenuhi keperluan tugas sahaja. Abdul Salam Yussof (2003) memetik kata-kata Imam Al-Ghazali di mana beliau menyatakan bahawa tujuan di sebalik pelaksanaan proses ilmu mempunyai dua tujuan yang utama. Pertamanya untuk melahirkan insan yang sempurna yang

bermatlamatkan mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala. Matlamat yang kedua untuk melahirkan insan sempurna yang bermatlamat mendapat kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

Sejarah Pendidikan Islam UiTM

Pendidikan Islam di UiTM bermula pada tahun 1971, apabila unit agama diwujudkan bagi mengajar dan membimbing pelajar dalam hal ehwal agama. Di peringkat awalnya, pendidikan Islam hanya bertaraf bimbingan dan ko-kurikulum yang diperkenalkan di ITM.

Apabila Unit Agama mengadakan Seminar Pendidikan Islam, dan dirasmikan oleh Tun Dr Mahathir Muhamad, (pada masa itu Menteri Pelajaran), maka pendidikan Islam diwujudkan secara rasmi dan identitinya yang bersifat "akademik" telah mula terserlah. Mata pelajaran tamadun Islam diperkenalkan. Kemudian, kurikulum pendidikan Islam diperkukuhkan, dengan tertubuhnya Pusat Pendidikan Islam, yang berkembang hingga ke hari ini.

Tentunya penggubalan kurikulum pendidikan Islam di UiTM, seiring dengan kemajuan dan perkembangan yang berlaku di UiTM sendiri. Kurikulum awalnya pada 3 Mac 1971, yang mana pendidikan Islam hanya bersifat bimbingan agama yang di bawah Hal Ehwal pelajar, bagi menyelesaikan hal ehwal keislaman pelajar.

Pada tahun 1975 mata pelajaran pendidikan Islam mula di perkenalkan di ITM, di bawah Unit Pendidikan Islam (UPI). Pada tahun 1977 pendidikan Islam telah maju setapak lagi, apabila matapelajaran pendidikan Islam menjadi mata pelajaran yang wajib. Hasil dari Muzakarah Pendidikan Islam Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia pada 20 hingga 22 Jun 1977, ITM telah mewajibkan kursus pendidikan Islam dengan nama "Mata Pelajaran Pendidikan Islam" untuk semua pelajar Muslim di seluruh kampus. Kursus ini dilaksanakan dua (2) jam contacts seminggu dalam tempoh enam (6) semester bersamaan dengan dua belas (12) kredit keseluruhannya. Pada peringkat awal pelaksanaan mata pelajaran tersebut dikendalikan oleh Unit Pendidikan Islam (UPI) di bawah pejabat Dekan Hal Ehwal Akademik.

Pendidikan Islam mendapat nafas baru apabila PPI telah di naik taraf menjadi Pusat Pendidikan (PPI), pada 1 April 1983. Selaras dengan itu juga mata pelajaran Tamadun Islam dijadikan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua pelajar bukan Islam. Dan pada tahun 1998, pentadbiran kegiatan keislaman disusun semua, dan Unit Agama, diletakkan dibawah Pusat Khidmat Bersepadu (PKIB), yang akhirnya diletakkan dibawah bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Pendidikan Islam di UiTM mendapat perubahan yang ketara, apabila pada 13 Januari 2004, Pusat pendidikan Islam (PPI) telah dijenamakan sebagai Pusat Pemikiran dan Kafahaman Islam (CITU), yang menggabungkan PPI dan Pegawai Khidmat Nasihat Agama (PKNA) di bawah satu bumbung.

Pada tahun 2012, lebih tepatnya dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Eksekutif (JKE), pada 12 Mac 2012, telah meluluskan penstrukturan baru CITU menjadi Akademi Pengajian Islam Kontemporari. Dengan itu, ACIS akan memberi citra, fungsi dan peranan baru dan lebih meluas dalam arus perdana pendidikan khususnya di UiTM dan di Malaysia amnya.

Kurikulum

Berdasarkan sejarah, dan falsafah pendidikan yang bertunjangkan nilai dan keislaman dalam usaha untuk melahirkan profesional dan separa profesional bumiputera yang hebat, bersepadu, yang bermotokan "*Usaha Taqwa Mulia*" itu, kurikulum pendidikan Islam telah digubal. Tentunya kurikulum tersebut dirangka dengan mengambil kira realiti dan hakikat UiTM secara keseluruhannya.

Pada asasnya, kurikulum tersebut adalah untuk memberikan pengukuhan terhadap asas-asas kefahaman tentang fardhu ain, yang melibatkan soal akidah, syariah, ibadah dan akhlak serta membekalkan mereka dengan pemikiran dan tamadun Islam. Selain memberikan perspektif Islam terhadap bidang profesional yang diajar di UiTM, kurikulum tersebut mengalami perubahan berdasarkan perkembangan dan perubahan semasa.

Kurikulum yang digubal adalah untuk mengukuhkan jatidiri seluruh pelajar-pelajar UiTM, sama ada kepada pelajar Muslim mahupun yang bukan Islam. Kurikulum di peringkat diploma melibatkan persoalan akidah, ibadah serta tamadun Islam yang meliputi dua semester. Manakala pada semester ketiga melibatkan ilmu yang bersifat pengkhususan. Bagi pelajar yang bukan Islam diperkenalkan mata pelajaran tamadun Islam khusus buat mereka, dengan isi dan pendekatan yang tersendiri. Manakala pelajar di peringkat ijazah, mereka diajar matapelajaran Tamadun Islam dan Tamadun Islam 1 (TITAS 1) yang berkaitan tamadun Islam serta TITAS 2 yang menyentuh tentang hubungan etnik.

Penstrukturan semula CITU kepada ACIS.

Pada 12 Mac 2012, mesyuarat Jawatan Kuasa Eksekutif (JKE) telah meluluskan penstrukturan baru CITU menjadi Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Dengan itu, ACIS akan memberi citra, fungsi dan peranan baru dan lebih meluas dalam arus perdana pendidikan khususnya di UiTM, dan di Malaysia amnya.

Melalui penstrukturan semula ini telah memberi suatu nafas serta dimensi baru kepada seluruh warga ACIS samada melibatkan staf akademik mahupun pentadbiran seperti Jabatan Kemajuan Islam (JKI). Dari sudut akademik, perubahan serta penstrukturan semula ACIS ini amat bermakna kerana menjadikan ACIS mempunyai misi serta visi yang lebih mantap bagi memenuhi matlamat pendidikan untuk melahirkan generasi *rabbani*.

Dalam memacu hala tuju dan juga kecemerlangan akademik, sturktur organisasi ACIS juga turut mengalami perubahan yang mana diketuai oleh Prof Dr Haji Muhamad Rahimi Osman sebagai Dekan Pengajian Islam Kontemporari. Di samping itu, bagi meningkatkan persepsi golongan akademia, pihak ACIS turut mempunyai profesor pelawat yang terdiri daripada ahli akademik yang berkaliber dan dikenali ramai iaitu Prof Dr Muhammad Humayon Abbas Dar serta Dato Dr Muhammad Afifi Al-Akiti.

Prof Dr Muhammad Humayon Abbas Dar merupakan pakar dalam bidang perbankan dan kewangan Islam yang mempunyai pengalaman yang mendalam dalam bidang tersebut melalui penglibatan beliau sebagai Badan Pengarah bagi Arab British Chamber of Commerce. Beliau juga merupakan Fellow pelawat di Cass Business School yang berpusat di City University London serta Fellow University of Durham.

Manakala Dato Dr Muhammad Afifi Al-Akiti merupakan anak Melayu pertama yang menjadi pensyarah pengajian Islam di Universiti Oxford. Beliau merupakan pemegang Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang pemikiran, falsafah dan sains Islam. Beliau juga telah mendapat banyak pengiktirafan akademik seperti The 500 Most Influential Muslims pada tahun 2010, Anugerah Allama Iqbal bagi pemikiran Islam. Selain itu beliau juga telah dilantik oleh Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah sebagai Ahli Majlis Agama Islam Perak.

Perlantikan kedua-dua tokoh tersebut telah memberikan suatu dimensi baru kepada ACIS seterusnya bidang pengajian Islam terutamanya di Universiti Teknologi MARA bahkan ianya juga akan menjadi nilai tambah kepada para akademia seterusnya graduan yang mengambil jurusan pengajian Islam.

Selain staf akademik, tunjang kekuatan ACIS juga didokong oleh staf perkhidmatan Islam yang di kenali sebagai JKI. Antara tugas utama bahagian perkhidmatan Islam ini ialah memberi bimbingan serta nasihat agama samada melibatkan individu,berkelompok. Selain itu bahagian ini turut terlibat dalam pengurusan zakat dengan mengadakan temuduga zakat bagi pelajar-pelajar yang memerlukan,menguruskan kutipan zakat pendapatan khususnya melalui Unit Zakat UiTM. Dalam masa yang sama pelbagai kegiatan kerohanian turut dijalankan terutamanya program ceramah keagamaan, program kebajikan,kursus perkahwinan dan sebagainya

Program-Program Baru ACIS

Perubahan besar kurikulum pendidikan Islam dirasakan amat ketara dengan penubuhan ACIS. Pendidikan Islam bukan hanya sebagai mata pelajaran “pelengkap” kepada fakulti dan sistem yang lain, tetapi

menawarkan kursus untuk pelajar sendiri, di peringkat Diploma, Ijazah dan pasca-ijazah. Tentunya pendidikan Islam di UiTM amat menjanjikan masa hadapan yang cerah.

Selari dengan penjenamaan semula CITU kepada ACIS, pihak akademik ACIS telah merangka beberapa program baru bagi meneruskan kecemerlangan akademik samada melibatkan pensyarah-pensyarah ACIS mahupun pelajar-pelajar UiTM. Antara program baru yang ditawarkan oleh pihak ACIS adalah program Ijazah Dasar dan Pasca Ijazah.

Bagi program Ijazah Dasar beberapa program baru ditawarkan samada melibatkan peringkat Diploma mahupun Ijazah seperti *Diploma in Muamalat* serta *Diploma in Halal Management*. Ini sekaligus menjadikan ACIS bukan lagi bahagian yang memberikan perkhidmatan pengajaran kepada fakulti lain bahkan akan mempunyai pelajar sendiri. Selain itu, bagi peringkat Ijazah juga, Kementerian Pengajian Tinggi serta MQA telah memberikan pengiktirafan kepada UiTM khususnya pihak ACIS untuk menyediakan program peringkat Ijazah iaitu *Bachelor in Muamalat* serta *Bachelor in Halal Management*.

Jika dilihat kepada penerapan program-program baru ini, jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan Islam khususnya di UiTM semakin mendapat tempat samada di kalangan pelajar-pelajar mahupun staf sendiri. Langkah ini juga selari dengan Dasar Pendidikan Negara yang telah menggariskan suatu matlamat untuk menjadikan seseorang individu itu seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelektual. Selain itu, bagi memastikan lonjakan paradigma di kalangan pensyarah ACIS samada di peringkat ACIS Pusat (Shah Alam) mahupun di kampus cawangan, bahagian akademik telah mengambil langkah yang proaktif dengan merangka program bagi Pasca Siswazah yang melibatkan pengajian di peringkat Master iaitu Master Pengajian Islam Kontemporari (IC780) dan juga PhD iaitu Doktor Falsafah Pengajian Islam Kontemporari (IC990).

Bagi pengajian peringkat Master dan Doktor Falsafah Pengajian Islam Kontemporari terdapat banyak bidang yang disediakan seperti Muamalat Islam, Ekonomi Islam, Perbankan dan Kewangan Islam, Syariah dan Perundangan, Sains dan Pengurusan Halal, Pemikiran Islam, Perbandingan Agama, Pengurusan Pendidikan Islam serta Pentadbiran Islam. Tempoh masa bagi Master Pengajian Islam Kontemporari itu mengambil masa 1 setengah tahun sehingga 3 tahun (3-6 semester), manakala untuk Doktor Falsafah pula mengambil masa 3-5 tahun (6-10 semester). Namun sesuatu yang amat menarik berkaitan pengenalan program-program baru ini khususnya peringkat Master dan PhD, tesis-tesis tersebut boleh ditulis dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Arab.

Perubahan yang begitu ketara dari aspek akademik ACIS jelas menunjukkan bahawa sistem pendidikan Islam bukanlah terkebelakang bahkan ianya semakin hari semakin mendapat tempat dalam dunia pendidikan. Senario ini juga telah dinyatakan oleh Mohd Kamal Hassan (1988), yang mana beliau berpendapat dunia pendidikan juga perlu melalui tranformasi sistem pendidikan. Beliau juga telah menukilkan petikan ucapan Muhammad Iqbal iaitu seorang penyair yang terkenal, katanya "*Andainya hari ini kau tumpukan perhatian kepada Islam dan mendapatkan inspirasi dari idea yang tetap segar terkandung di dalamnya, kau akan mampu mengumpul kembali kekuatan, mengembalikan martabat yang hilang dan dengan itu menyelamatkan dirimu dari kemusnahan yang menyeluruh*". Ucapan tersebut telah memberikan kesan yang ketara kepada seluruh dunia Islam untuk menyediakan satu pembaharuan ke arah merubah sistem pendidikan agar ianya seiring dengan falsafah dan konsep pendidikan Islam.

Kesimpulannya, banyak pembaharuan yang melibatkan ACIS khususnya dari aspek akademik selari dengan arus perubahan zaman serta kehendak pasaran. Ini semua menjadi pencetus semangat kepada seluruh warga ACIS untuk melaksanakan segala harapan dalam dasar pendidikan Islam seterusnya memenuhi hasrat dan harapan UiTM untuk muncul sebagai universiti bertaraf dunia serta gedung ilmu terulung dan terunggul samada dari segi ilmu duniawi mahupun ukhrawi.

Peranan Pensyarah ACIS

Falsafah yang hebat, kurikulum yang utuh, tidak akan ke mana jikalau ia tidak didokong oleh pensyarah yang berkualiti. Begitu juga dengan peralatan yang canggih, tidak menjanjikan yang terbaik jikalau pensyarahnya tidak benar-benar berperanan dengan berkesan.

Dunia pendidikan memandang tinggi terhadap taraf keserjanaan. Mohamad Najib Abdul Ghaffar (2004) istilah sarjana bermaksud bijak pandai, pendeta atau cendekiawan. Pengertian tersebut lebih tertumpu kepada mereka yang mengkaji sesuatu bidang secara mendalam. Manakala istilah keserjanaan pula bermaksud pengetahuan dan kemampuan, kepandaian dan keahlian ahli sarjana yang dikaitkan dengan ciri-ciri kebijaksanaan. Manakala dari sudut pandangan islam, keserjanaan merujuk kepada seseorang individu yang mempunyai tahap keilmuan yang tinggi dalam sesuatu bidang pengetahuan samada dalam bidang pendidikan dan sebagainya.

Pensyarah bukan hanya berperanan sebagai seorang guru yang menyampaikan ilmu pengetahuan yang sedia ada tetapi juga menjadi sarjana yang memberi peransang kepada pelajar untuk membuka alam pemikiran. (Robiah Sidin, 1998). Di samping menggalakkan pelajar terlibat dalam aktiviti yang menjana pemikiran, para pensyarah juga perlu prolifk dan produktif dalam penulisan dan penyelidikan mereka bagi memastikan penulisan samada berbentuk akademik mahupun bukan akademik menjadi rujukan penting serta faedah kepada masyarakat.

Menyentuh tentang peranan pensyarah ini, Mohd Kamal Hassan (1988) telah memetik kata-kata Naquib al-Attas yang amat relevan sekali dengan dunia akademik. Menurutnya, universiti bukan bangunannya, tetapi amat ditentukan dan ditakrifkan oleh pensyarahnya. Katanya, *“Universiti bukan hanya bangunannya, bukan hanya kenyataan zahirnya. Sesungguhnya dalam sejarah universiti mana pun, pengajar-pengajar, guru-guru dan yang belajar daripadanya merupakan unsur utama kewujudan universiti. Jadi cemerlang atau tidaknya universiti itu bergantung pada ilmu pengetahuan dan pengenalan yang ada pada diri guru-gurunya masing-masing. Sekiranya ilmu yang ada dari gurunya itu tidak betul-betul matang serta mendalam, maka tentu sahaja taraf universiti itu tidak akan cemerlang”*

Justeru, pensyarah seharusnya juga bersifat ilmunan dan cendekiawan yang bukan hanya hidup terkurung dalam konteks dewan kuliah, tetapi juga mencetus perubahan dan menyampai hati nurani ummat. Ini dibicarakan oleh ilmunan Indonesia Seodjatmoko (1983), yang antara lainnya menyifatkan sarjana dan ilmunan tulen itu sebagai, *“mereka yang terdera perasaannya melihat realiti masyarakatnya. Beliau juga adalah pendorong kesedaran dan keinsafan, pencetus pemikiran-pemikiran dan arah baru serta membawa perubahan untuk mengangkat martabat bangsa dan tanah airnya”*

Golongan ilmunan ini merupakan pembawa obor islah dalam masyarakat. Maka dengan itu, kehadiran mereka dirasakan oleh masyarakat secara keseluruhannya. Kehadiran mereka menambah, dan kepergian mereka mengurangkan. Inilah yang diungkapkan oleh Ali Syari’ati (1984:14), yang antara lain menyatakan ilmunan “tulen” itu ialah *“kelompok yang berasa terpanggil untuk memperbaiki masyarakatnya, menangkap aspirasi mereka, merumus dalam bahasa yang dapat difahami oleh setiap mereka, menawarkan strategi dan alternatif pemecahan masalah”*.

Walaupun pandangan Naquib, Seodjatmoko, dan Ali Syari’ati di atas mengungkapkannya secara umum, tetapi ia dapat menggambarkan satu rumusan tentang tasawwur atau pandangan sarwa yang jelas tentang peranan sebagai ilmunan dan pensyarah yang unggul. Yang pada dasarnya berperanan sebagai pembina ummah, perubah watak pelajar yang boleh diharapkan, dapat membina diri, ummah dan negara yang gemilang pada masa hadapan.

Ciri-Ciri Pensyarah Unggul.

Imam Al-Ghazali pernah mengungkapkan tentang peranan pendidik yang amat besar. Beliau mengungkapkan, dengan nada sinis, yang menyatakan, *“mana mungkin bayang akan dilahirkan itu akan lurus, jikalau arcanya bengkok”*. Imam al-Ghazali (1984) mengungkapkan kata-kata yang berkait langsung dengan pendidik, katanya, *“Seseorang yang berilmu, dan kemudiannya bekerja dengan ilmunya itu ibarat minyak kasturi, yang baunya dapat dirasai oleh orang lain dan ia sendiri pun harum. Sesiapa yang bekerja di bidang pendidikan, maka sesungguhnya ia telah memilih pekerjaan yang terhormat dan sangat penting. Maka ia hendaklah memelihara adab, sopan santun dalam tugasnya”*.

Sehubungan dengan itu, Imam Al-Ghazali mengemukakan beberapa ciri dan watak pendidik yang unggul yang amat relevan dengan profesyen pensyarah. Di antara sifat tersebut ialah:

1. Hendaklah ia bersifat sebagai pengajar dan pendidik kepada pelajarnya. Untuk lebih berkesan dalam tugasnya ia perlu bersifat lemah lembut dan kasih sayang terhadap pelajar supaya saling mempercayai. Ia juga perlu bersikap seperti bapa yang pengasih, dan menunjuk jalan yang benar. Untuk itu, ia perlu ikhlas dalam melaksanakan tugasnya.
2. Hendaklah ia menjadi seorang pengkaji sejarah, terutama sejarah pendidikan. Dengan mengkaji sejarah yang berkaitan dengan tugasnya ia akan lebih jelas tentang tugas dan peranannya. Sejarah mencatatkan golongan pendidik bukanlah golongan yang mendapat kesenangan dengan ilmunya.
3. Pendidik hendaklah berperanan sebagai pembimbing kehidupan beragama pelajarnya. Oleh itu, perlulah ia menjadi seorang yang benar, yang mengetahui tahap kepayahan apa yang diajar dan tahap kemampuan yang dimiliki oleh pelajar. Ia hendaklah sentiasa memperingatkan murid, yang belajar itu satu kewajipan dan untuk mendekatkan diri dengan Allah, bukan untuk mengejar kedudukan dan penghormatan.
4. Pendidik hendaklah berperanan sebagai pendisiplin murid dengan pendekatan yang betul. Hukuman dan ketegasan perlu dijalankan dengan pendekatan kasih sayang bukan celaan. Dalam beberapa hal, pendekatan kiasan perlu juga dilakukan. Dengan cara itu, pelajar akan menerima teguran, hukuman dan tindakan yang dikenakan dapat diterima oleh pelajar yang terlibat.
5. Pendidik juga harus berperanan sebagai model dan contoh yang baik kepada pelajar. Untuk tujuan itu, ia harus menghiaskan diri dengan akhlak yang mulia, menghormati orang lain, dan menunjukkan yang ia merupakan orang yang mencintai ilmu. Dengan cara ini pelajar akan menjadikan pendidik tersebut sebagai teladan yang terbaik dalam kehidupan mereka.
6. Pendidik harus memahami psikologi, terutama tentang perbezaan-perbezaan antara pelajar tersebut. Dengan cara itu, pendekatan yang sesuai dapat dilakukan sejajar dengan kemampuan dan tahap kefahaman pelajar terhadap sesuatu yang diajar. Dengan itu, pengajaran yang dilakukan akan lebih berkesan.
7. Pendidik seharusnya menjadi individu yang mengenali peribadi pelajarnya. Melalui pendekatan ini, ia akan mengetahui masalah sebenar yang dihadapi oleh pelajar. Kemampuan ini akan mempengaruhi pengajaran yang dilaksanakan oleh pendidik tersebut.
8. Pendidik yang baik perlu menghayati apa yang diajarkannya, mengamalkan apa-apa yang mulia yang ingin diterapkan kepada pelajarnya. Dengan amalan sedemikian kewibawaan pendidik akan meningkat dan dihormati oleh segenap masyarakat. Sebab itu, pendidik laksana arca yang akan mempengaruhi bayangannya. Bagaimana mungkin bayang akan lurus, jikalau arcanya bengkok!

Jelaslah seorang pendidik perlu memiliki sejumlah sifat yang unggul, yang membolehkannya berperanan sebagai *muaddib* yang berkesan. Melalui pendekatan ini, isu yang disampaikan berkesan dan dapat melakukan perubahan jiwa dan rupa kepada mereka yang mendengarnya. Pastinya perkara yang dinyatakan menuntut pembinaan visi dan misi yang jelas di kalangan golongan pendidik. Di samping ilmu yang mantap, komitmen yang kental, kemahiran yang bersesuaian perlu diterapkan agar dapat berhadapan dengan cabaran yang kian mencabar.

Saranan Asas

Untuk berperanan sebagai pendidik tulen termasuklah pensyarah, perlu mempunyai visi dan misi yang jelas. Dalam konteks ini, pandangan Tajul Ariffin Nordin dan Nor Aini bt Dan (1992) boleh dijadikan sebagai asas pemikiran. Di antara cadangan tersebut:

1. Memahami dengan secukupnya falsafah pendidikan, hasrat yang dikandungnya dan matlamat yang ditujui. Kefahaman mestilah diiringi dengan kesedaran, keinsafan, amalan dan penghayatan. Pendidik harus menyokong penuh paksi pendidikan, iaitu kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

2. Menghayati konsep bersepadu yang meletakkan ilmu dan amal dalam satu kesatuan yang kukuh dan mengimbangi kepentingan rohani, akal dan jasmani. Pendidik mestilah mencerminkan keselarasan, keseimbangan, keserasian dan keharmonian faktor-faktor tersebut.
3. Pendidik hendaklah menjadi pencinta ilmu, yang sentiasa hauskan ilmu pengetahuan. Pensyarah merupakan gedung ilmu bagi pelajar perlu sentiasa menekankan kepentingan pendidikan dalam kehidupan.
4. Pendidik seharusnya mempunyai kemahiran mengajar, termasuklah kemampuan menghubungkan pengetahuan dengan kemahiran. Ia perlu melaksanakan pengajarannya secara sepadu dengan memelihara keseimbangan di antara pengetahuan dengan amalan dan di antara ucapan dengan laku. Ia sewajarnya mampu mengendalikan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar yang mempunyai berbagai-bagai kebolehan dan membangun budaya pelajar.
5. Pendidik perlu menjadi model yang amat dikagumi oleh pelajar bahkan sekalian ibu bapa. Oleh itu, wajib bagi pendidik untuk menjadi teladan yang baik kepada pelajarannya. Ianya dapat diterjemahkan dengan budi bahasa, penguasaan bahasa yang betul, kehalusan dan kesempurnaan kerja, rupa diri dan kesesuaian pakaian, amanah tentang hal-hal rahsia dengan pelajar dan sebagainya.
6. Hendaklah mempunyai ciri-ciri pendidik atau pensyarah yang positif, kreatif dan inovatif.

Rumusan kepada saranan di atas jelas menunjukkan bahawa seseorang pendidik samada seorang guru mahupun pensyarah perlu memasukkan elemen penghayatan dalam proses pembelajaran. (Hassan Langgulong, 1991). Dengan kata lain penghayatan adalah satu proses pembelajaran manusia atau perkara-perkara tertentu yang menjadi pemangkin bagi seseorang untuk mengamalkan atau menghayati nilai-nilai tertentu.

Penutup

Kesimpulannya, dalam memacu kecemerlangan akademik di kalangan pensyarah ACIS bahkan seluruh pensyarah UiTM, kita perlu mengenal pasti kekuatan serta kepakaran dalam bidang yang diterokai. Langkah ini perlu dipraktikkan secara bersungguh-sungguh bagi memastikan tugas dan peranan pensyarah tidak hanya tertumpu untuk melahirkan modal insan yang berkualiti tetapi turut menuntut usaha tanpa jemu untuk menjadi seorang pensyarah yang berkaliber serta di pandang tinggi masyarakat apatah lagi mendapat sanjungan yang mulia di sisi Allah Ta'ala.

Rujukan

Al-Quran dan Terjemahannya.

Abdul Salam Yussof.(2003).Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan, Selangor : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Al-Ghazali.(1984).Ihya' Ulumuddin (trj), Jilid 1, Singapura: Pustaka nasional Pte Ltd.

Ali Syari'ati.(1984).Ideologi kaum Intelektual- Satu Wawasan Islam, Bandung: Penerbit Mizan.

Hassan Langgulong.(1991).Asas-Asas Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Kamal Hassan.(1988).Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu, Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Mohamad Najib Abdul Ghafar.(2004).Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Robiah Sidin.(1998).Pemikiran Dalam Pendidikan, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Seodjatmoko.(1983). Dimensi Manusia Dalam Pembangunan, Jakarta: Penelitian Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES).

Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas.(1992).Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tajul Ariffin Nordin dan Nor 'Aini bte Dan.(1992). Pendidikan dan Wawasan 2020, Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn Bhd.

Za'ba.(1989). Mencapai Keluhuran Budi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

RASID MUHAMMAD, MUHAMMAD MUZAKKIR BIN OTHMAN, AIZA BUDIN ,WAN AZMI WAN AHMAD, MOHD HAFIZ ABDUL WAHAB.

Universiti Teknologi MARA (Pahang).

rasidphg@pahang.uitm.edu.my,ziekir@pahang.uitm.edu.my,aiza_budin@pahang.uitm.edu.my,wanzmi@pahang.uitm.edu.my, hafiz@pahang.uitm.edu.my.